

Muhyiddin redah air lawat mangsa banjir

BATU PAHAT - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turun padang melawat mangsa banjir yang ditempatkan di dua buah pusat pemindahan di Parit Sulong di sini semalam.

Beliau yang tiba pada pukul 4 petang bertanya khabar dan beramah mesra dengan 234 mangsa banjir daripada 58 keluarga di Sekolah Kebangsaan Seri Comel Parit Sulong sebelum ke Dewan Parit Yusof yang menempatkan 155 mangsa.

Muhyiddin turut menyampaikan bantuan wang ihsan RM500 kepada setiap keluarga yang terlibat dalam bencana itu.

Sebelum ke Dewan Parit Yusof, beliau turut mengharung air bertemu penduduk di lima buah rumah bagi menyampaikan sumbangan.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerjaya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Ahmad Zahri Jamil dan Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini Ahmad.



Banjir

INFO Banjir

Mangsa	Negeri	Pusat Pemindahan
1,988	Johor	17
203	Perak	2
1,947	Selangor	8
107	Melaka	2

*** Sehingga pukul 9 malam tadi**

Talian Kecemasan Banjir

Melaka - 06-333 3333

Perak - 05-240 1999

Johor - 07-290 8010

Selangor - 03-5521 8792



MUHYIDDIN (depan, kiri) meredah banjir ketika melawat penduduk di Kampung Parit Yusof, Batu Pahat semalam.

...dan Noraini Ahmad... kepada setiap perwakilan, kader parti dan juga pemerhati yang hadir.